

Headline	Kelantan syor kutip cukai kabel utiliti bawah tanah, laut		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	11 Aug 2020	Language	Malay
Circulation	82,252	Readership	246,756
Section	Nasional	Page No	21
ArticleSize	342 cm <sup>2</sup>	Journalist	Nor Fazlina Abdul
PR Value	RM 33,975		



# Kelantan syor kutip cukai kabel utiliti bawah tanah, laut

Langkah boleh dilakukan selepas kerajaan negeri tolak Akta 750

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim  
nfazlina@nstp.com.my

**Kota Bharu:** Kerajaan Kelantan bercadang mengenakan cukai terhadap mana-mana kabel utiliti yang dipasang sama ada di dalam bumi atau di bawah laut bagi menambah hasil kerajaan negeri.

Menteri Besar, Datuk Ahmad Yakob, berkata ia boleh dilakukan selepas kerajaan negeri menolak Akta Laut Wilayah 2012

(Akta 750).

"Dengan penolakan Akta 750, insya-Allah kita akan kenakan (cukai) kepada mana-mana struktur atau laluan paip dan sebagainya dalam bumi dan dalam laut untuk mendapatkan hasil," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan tambahan yang dikemukakan oleh Datuk Md Alwi Che Ahmad (BN-Kok Lanas) pada Persidangan Dewan

Undangan Negeri (DUN) Kelantan, semalam.

DUN Kelantan pada 2015 meluluskan usul bagi menolak Akta 750 yang dilulus di Parlimen pada 2012. Kesan Akta 750 adalah setiap negeri perlu menyerahkan pelantar benua kepada Kerajaan Persekutuan, selain perairan wilayah setiap negeri hanya dihad kepada tiga batu nautika.

Terdahulu, Md Alwi mengemukakan soalan tambahan sama ada kerajaan negeri mahu mengenakan cukai kepada semua kabel utiliti bawah tanah kepada syarikat komunikasi, gas atau kabel optik.



Ketika menjawab soalan Mohd Adanan Hassan (PAS-Kelaboran) mengenai usaha kerajaan negeri meningkatkan hasil, Ahmad (PAS-Pasir Pekan), berkata antara langkah yang diambil adalah melaksanakan persempadanan semula kategori tanah di semua jajahan bersesuaian.

"Pada masa sama, kita mempercepatkan proses pemilikan tanah kepada pelanggan individu, anak

syarikat dan agensi negeri serta agensi Kerajaan Persekutuan.

"Kita juga mempercepatkan pemberi milikan tanah kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB) atau syarikat telekomunikasi yang membabitkan segala struktur utiliti.

"Antara lain, kita juga menguatkuasakan caj penggunaan bagi sebarang aktiviti binaan yang membabitkan hutan simpan kekal," katanya.